



03 FEB, 2026

MHC ke Sabah, Sarawak cungkil bakat baharu

Berita Harian, Malaysia



MHC ke Sabah, Sarawak cungkil bakat baharu

Kuala Lumpur: Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) kini dalam perancangan memperbanyak program pembangunan, termasuk kejohanan di Sabah dan Sarawak agar lebih banyak bakat dicungkil untuk mewakili negara pada masa akan datang.

Presiden MHC, Datuk Seri Subahan Kamal, berkata untuk memastikan perkara itu dapat direalisasikan, beliau akan mengadakan perbincangan bersama penaja, Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi melihat gerak kerja yang boleh dilakukan.

“Mengenai pembangunan, kita akan bincang dengan NHDP (Program Pembangunan Hoki Negara) yang berada di bawah MSN (Majlis Sukan Negara).

“Fokus tahun ini adalah pembangunan di Sabah dan Sarawak

kerana banyak bakat di sana. Kita mahu adakan lebih banyak pertandingan kerana kawasan terlalu besar dan kos logistik tinggi untuk mereka datang ke Semenanjung.

“Apa yang saya maksudkan adalah, kita rasa ada lebih banyak bakat di negeri berkenaan, mungkin di kawasan pedalaman.

“Jadi, kita nak tengok macam mana nak buat pertandingan di sana. Untuk melakukan di semua tempat, mungkin tidak boleh, tetapi sesetengah kawasan seperti Miri, Bintulu dan Kuching sudah ada.

“Manakala Sabah, di Sandakan. Kita cuba adakan lebih banyak. Perkara ini kita akan bincang balik dengan NHDP dan penaja kita, TNB untuk lihat macam mana boleh salurkan bantuan tambahan supaya kita boleh adakan lebih banyak pertandingan,” katanya.